



1. JAWATAN	: PEGAWAI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
	JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia / Pengurusan (Management) / Dasar / Ekonomi atau bidang bersesuaian.
- b) i) Sedang berkhidmat di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai Pegawai Pembangunan Sumber Manusia dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengetahuan dalam membuat kajian dan penyelidikan berkaitan sumber tenaga manusia samada secara mikro atau menyeluruh (Negara) bagi faedah-faedah pembangunan sumber tenaga manusia adalah keutamaan.



3. Mempunyai pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA KANAN:

BAHAGIAN PENYELIDIKAN PERANCANGAN SUMBER MANUSIA DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

1. Mengetuai Bahagian Penyelidikan Perancangan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Antarabangsa.
2. Membantu Pengarah / Penolong Pengarah dalam menyediakan Program Kerja Tahunan dan melapor kepada Penolong Pengarah terhadap aktiviti dan isu-isu yang berhubungkait Bahagian ini.
3. Bertanggungjawab terhadap segala penyelidikan PSM termasuk anjuran tahunan sumber manusia, menyediakan maklumat / halatuju bagi penentuan dasar, membuat keputusan dan perancangan 'supply and demand' bagi tenaga buruh.
4. Bertanggungjawab terhadap semua kajian dan kumpulan perangkaan mengenai pembangunan sumber manusia.
5. Mengadakan rangkaian hubungan baik dengan semua agensi yang berkenaan di sektor awam dan swasta.
6. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan atau mana-mana tugas yang diarahkan oleh Pengarah dan Penolong Pengarah dari semasa ke semasa.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEPAKARAN KEMAHIRAN

1. Mengetuai Bahagian Pembangunan Kepakaran dan Kemahiran.
2. Membantu Pengarah / Penolong Pengarah menyediakan Program Kerja Tahunan / Bahagian dan melapor kepada Penolong Pengarah terhadap aktiviti dan isu-isu yang berhubungkait Bahagian tersebut.
3. Bertanggungjawab terhadap segala pembentukan konsep program pembangunan kepakaran, kemahiran dan keusahawanan mengikut keperluan negara.
4. Bertanggungjawab terhadap segala penyelarasan program-program latihan yang dibentuk dan memastikan semua agensi yang dikenalpasti melaksanakan program-program berkenaan.